

14 MAY 1998
NTV7-lancar
DR MAHATHIR RASMI PELANCARAN NTV7

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pelancaran perdana NTV7, stesen tv swasta ketiga di negara ini, pada 22 Mei ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shazalli Ramly berkata bagi memeriahkan majlis pelancaran itu, NTV7 akan mengadakan persembahan "Konsert Seceria Pelangi" yang akan dijayakan oleh 14 artis popular luar negeri dan Malaysia.

"Konsert yang akan disiarkan mulai 8.30 malam hingga 10 malam itu menjanjikan persembahan yang terbaik," katanya pada majlis pelancaran Konsert Seceria Pelangi di Subang dekat sini.

Antara artis terkenal luar negeri yang akan mengambil bahagian ialah Mehnaz dari India, Caraboa (Thailand), Marvis Hee (Singapura), Mayang Sari (Indonesia), Jeremie (Filipina) dan Qiu hai-zeng (Taiwan).

Artis-artis tempatan yang akan menjayakan persembahan itu ialah KRU, Nora, Siti Nurhaliza, Ning Baizura, Awie, Erra Fazira dan Jay Jay.

Beliau berkata satu persembahan khas lagu evergreen "Somewhere Over The Rainbow" oleh murid-murid Sekolah Rendah Sri Kuala Lumpur dengan iringan para penari The Ballet Studio dan Federal Academy of Ballet akan membuka tirai persembahan konsert itu.

Sempena pelancaran itu, stesen tv berkenaan menganjurkan satu peraduan untuk penonton di rumah dikenali sebagai "Peraduan Seceria Pelangi" mulai esok hingga 22 Mei.

Sebuah kereta sport Alfa Romeo ditawarkan sebagai hadiah utama.

NTV7 dikendali urus oleh Natseven TV Sdn Bhd kepunyaan jutawan Sarawak Datuk Effendi Norwawi, memulakan siaran ke seluruh negara pada 7 April lepas.

-- BERNAMA
MT oba